

Title : Suka Suka Hari Raya

Composer : Mayuni Omar / Bob (Koosmangat)

Lyricist : Zaharian Osman

Kini tiba masa untuk sambut Hari Raya
Di sana sini di serata Nusantara Miskin kaya
tua muda pasti merasanya
Hari Raya hari bahagia hari yang mulia

Selamat Selamat Hari Raya kami ucapkan
Pakaian indah aneka warna bergaya sungguh
menawan

Dalam bersuka ria usah lupa yang tak berada
Hulurkan bantuan jadilah orang mulia
Hari Raya untuk semua untuk semua usia
Kanak-kanak paling gembira sibuk menghitung
duit yang ada (melonjak gembira)

Sebelum Hari Raya ibu ayah sibuk berbelanja
Kuih muih bukan main banyak tak terkira
Perabot ditukar, yang pasti ikut selera
Hias bagai istana, wow...bukan main lawa
Kain langsir bertukar corak sudah perkara biasa
Selepas Raya ibu ayah jangan asyik termenung
Pula (kasihan kasihan)

Sudah tiba Hari Raya semua orang bergembira
Begitu juga kami berdua faham fahamlah saja...
Ibu Ayah Pak Long Uda Ucu Angah semua pemurah
Tapi jangan lupa menabung untuk bekal hari
muka

Sekalung doa buat yang tiada atau yang
sengsara
Doa kami kepada semua anak-anak di dunia,
serata bunua...